



MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2025

“Carbon
Smart
Monitoring
System”



MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG



CARBON SMART MONITORING SYSTEM (CoSMoS)



Struktur Bangunan yang bewarna hijau melambangkan konsep "Green Building" yang diterapkan untuk mencapai pembangunan mampan dan lestari



"Circuit" di tengah logo melambangkan sistem dan teknologi pemantauan elemen rendah karbon yang dibangunkan.



Daun Hijau melambangkan Daerah Klang yang menggalakkan penanaman pokok untuk mencapai matlamat ke arah Bandar Rendah Karbon.



Warna Hijau melambangkan penerapan konsep amalan hijau yang dipraktikkan.

AHLI KUMPULAN CoSMoS



PENAUNG : TPt. HJH. YUSRINA BINTI MOHAMAD YUSOF

PENASIHAT : TPt. MOHD FAUZI BIN BURHAM

AHLI KUMPULAN : AFIF FARHAN BIN MASDAR
: RASIAH BINTI RAMBY
: NOR NAJAH BINTI MOHAMED MAZLAN
: HELMI YAZRIN BIN ABDUL HALIM
: MOHD SHARIL BIN HARUN



RINGKASAN EKSEKUTIF



KUMPULAN KREATIF DAN INOVASI (KIK)
MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG

**“Carbon
Smart
Monitoring
System”**

MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG

RINGKASAN EKSEKUTIF

Bandar Klang kini telah menjadi pusat pembangunan utama di Negeri Selangor. Pembangunan yang pesat telah menjadi faktor utama kepada peningkatan pembebasan karbon terutamanya di kawasan bandar.

Berdasarkan kepada Fokus Kelapan (8) Rancangan Malaysia Ke-12 iaitu Mempercepatkan Pertumbuhan Hijau, telah menetapkan sasaran untuk mempertingkatkan kemampanan tenaga, mentransformasikan sektor air dan mengekalkan liputan kawasan hijau dengan mengambil kira prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam proses membuat keputusan.

Justeru, Kerajaan Negeri telah menggariskan Negeri Rendah Karbon sebagai agenda utama dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1) 2025, dengan mengambil langkah yang perlu bagi menangani fenomena ini serta mengurangkan pelepasan karbon selaras dengan matlamat *UN's Sustainable Development Goals (SDG)* ke-11 iaitu *Sustainable Cities and Communities* dan *SDG ke 13 Climate Change*.

Sejajar dengan matlamat dan komitmen tersebut, Majlis telah mengambil langkah-langkah berikut dalam usaha menggalakkan masmengamalkan budaya hijau:

- 1 Pihak Majlis dengan inisiatif sendiri telah yarakat melahirkan Pelan Tindakan Bandar Rendah Karbon** yang dihasilkan sendiri tanpa melantik perunding. Pelan tindakan tersebut, telah diterbitkan pada 26 Oktober 2016 dan merupakan bahan rujukan rasmi bagi memandu arah Pembangunan Rendah Karbon di kawasan Majlis. Ianya merangkumi empat (4) elemen di dalam LCCF iaitu *Urban Environment*, *Urban Infrastructure*, *Urban Transport* dan *Bangunan*.
- 2 Majlis telah membina sistem pelaksanaan LCC MPK. Sistem ini diberi nama GES MPKlang atau 'Green Earth Smart System MPKlang'.** Sistem ini dapat memperkasakan penyampaian perkhidmatan dan maklumat rendah karbon Majlis dalam bentuk spatial 'web based' seiring dengan negara maju yang pintar dan berteknologi tinggi kepada keseluruhan penduduk Klang.
- 3 TERKINI, Pasukan berinisiatif untuk memperkasakan pelaksanaan elemen Rendah Karbon melalui kaedah pemantauan pematuhan syarat-syarat kelulusan** di peringkat awal kelulusan Kebenaran Merancang yang di namakan sebagai **Carbon Smart Monitoring System (CoSMoS)**, Majlis Bandaraya Diraja Klang.

Sistem yang dibina ini bagi pengumpulan data spatial rendah karbon di dalam kawasan Majlis bagi tujuan mengimplimentasikan perancangan fizikal pembangunan rendah karbon, dan penandaarasan ke arah ekonomi digital, mampan dan transformatif dan sebagai satu rujukan terbaik pada masa hadapan. Projek ini juga bertepatan dengan 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) 2030 dimana salah satu matlamat khusus berkaitan perubahan iklim adalah **SDG13 Climate Action**.

Projek CoSMoS yang dihasilkan adalah berdasarkan percambahan fikiran (Brainstorming) antara kakitangan Jabatan Perancang Bandar Dan Desa, kakitangan Jabatan Dalam Majlis Bandaraya Diraja Klang bersama Agensi -Agensi Teknikal Daerah Klang serta perkongsian pengalaman daripada penduduk Daerah Klang mengenai isu dan masalah perbandaran yang harus diselesaikan.

Projek CoSMoS mensasarkan peningkatan pematuhan syarat kelulusan dan penerapan elemen rendah karbon secara fizikal di tapak sebanyak sekurang-kurangnya 70% setiap tahun. Projek ini menghasilkan impak dan kesan yang baik untuk jangka masa pendek iaitu peningkatan produktiviti elemen rendah karbon. Jumlah penjimatan kos pentadbiran, penjimatan masa, proses kerja, penyampaian perkhidmatan.

Bagi mencapai sasaran, kumpulan telah menggunakan beberapa kaedah teknik design thinking dalam mengenalpasti punca masalah dan pemilihan idea. Teknik SCAMPER digunakan bagi meneliti kaedah terbaik dalam membuat keputusan untuk projek ini. Hasil projek ini telah dibuat uji cuba bagi memastikan produk yang dihasilkan dapat menyelesaikan masalah. Hasilnya **CoSMoS** merupakan sistem digital bagi memudahkan pihak Majlis mengetahui tahap pelaksanaan elemen rendah karbon yang telah dilaksanakan, membantu pemaju membuat penandaarasan bagi mewujudkan persaingan yang proaktif.

Kesimpulannya, CoSMoS terbukti lebih efektif dalam menguruskan proses pemantauan pelaksanaan elemen rendah karbon dengan menyediakan platform khusus melalui sistem '**GES MPKLANG**' yang mudah dicapai menggunakan komputer atau telefon bimbit untuk memudahkan dan mempercepatkan proses bagi pihak berkepentingan serta meningkatkan kecekapan kerajaan dalam penyampaian perkhidmatan awam sejajar dengan aspirasi Majlis untuk memperkasakan penyampaian perkhidmatan digital yang kreatif dan berinovasi merentasi sektor awam dan rakyat.



SENARAI KANDUNGAN LAPORAN

ISI KANDUNGAN			MUKA SURAT
Pengenalan Kumpulan			iii
Keterangan Projek			iii
1.0	Penglibatan Pihak Pengurusan		1
	1.1	SOKONGAN PENGURUSAN DAN KELULUSAN	1
2.0	Signifikasi Projek dan Pembuktian		1
	2.1	KAITAN DENGAN FUNGSI UTAMA JABATAN / ORGANISASI	1
		2.1.1 Pelan Strategik Majlis Perbandaran Klang 2022-2026	1
		2.1.2 Pelan Tindakan Bandar Rendah Karbon 2017-2027, Majlis Perbandaran Klang.	2
		2.1.3 Pelan Tindakan Bandar Pintar, Klang 2030	2
	2.2	MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN DAN PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDER)	2
		2.2.1 Kehendak Pelanggan dan Pemegang Taruhan (Stakeholder)	2
	2.3	SEJAJAR AGENDA DAN MATLAMAT NASIONAL	2
		2.3.1 Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)	2
		2.3.2 Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2)	3
		2.3.3 Rancangan Fizikal Negara Ke-4 (RFN4)	3
		2.3.4 Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK 12)	3
		2.3.5 CTI-PCI	3
		2.3.6 Framework Smart City Malaysia	3
		2.3.7 Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035	3
		2.3.8 Pelan Tindakan Smart Selangor (SSAP 2025)	3
	2.4	KAITAN DENGAN KEADAAN EKOSISTEM SEMASA	3
		2.4.1 Perubahan Iklim	3
	2.5	KAEDAH PEMILIHAN PROJEK DAN ANALISIS	4
		2.5.1 Mengenalpasti 5 Senarai Pendek Masalah	4
		2.5.2 Matrik Keutamaan Mengenalpasti Masalah	5
		2.5.3 Penjelasan Masalah Dengan Teknik 5W 1H	5
	2.6	PENETAPAN SASARAN OUTCOME DAN IMPAK	5
		2.6.1 Pengumpulan Data Sebelum Projek	5
		2.6.2 Penetapan Sasaran Outcome Dan Impak	6
3.0	Tindakan Penyelesaian		6
	3.1	STRATEGI PENYELESAIAN KREATIF TERMASUK APLIKASI PENGGUNAAN TOOLS	6
		3.1.1 Emphasise	6
		3.1.2 Define (Validation Point Of View)	7

ISI KANDUNGAN			MUKA SURAT
	3.1.3	Ideate (Percambahan Idea Utama Penyelesaian)	7
	3.1.4	Teknik SCAMPER	8
	3.2	PENGHASILAN DAN PENGUJIAN PROTOTAIP	8
	3.2.1	Pelan Tindakan Penyelesaian	8
	3.2.2	Merekacipta Prototaip	9
	3.2.3	Tindakan Ujicuba 1	9
	3.2.4	Penambahbaikan Selepas Ujicuba 1	10
	3.2.5	Latihan Penggunaan	10
	3.3	PERAKUAN DARIPADA PIHAK BERTAULIAH	11
	3.4	PELAKSANAAN INOVASI	11
4.0	KEBERHASILAN PROJEK		12
	4.1	PENCAPAIAN OUTCOME PROJEK DAN PEMBUKTIAN	12
	4.1.1	Kesan Jangka Pendek (PQDMCS)	12
	i.	Produktiviti	12
	ii.	Quality	12
	iii.	Delivery	12
	iv.	Cost	13
	v.	Moral	13
	vi.	Security	13
	4.2	FAEDAH SAMPINGAN (LUAR JANGKA)	14
	4.3	IMPAK PROJEK DAN PEMBUKTIAN	14
	4.3.1	Peningkatan Kepuasan Pelanggan	14
	4.3.2	Peningkatan Pemaju Berinisiatif Melaksanakan Elemen Rendah Karbon	14
	4.3.3	Pengiktirafan Majlis	14
	4.3.4	Anggaran Peratusan Pengurangan Karbon	14
5.0	POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI		15
	5.1	TAHAP KETERSEDIAAN SISTEM CoSMoS	15
	5.1.1	Manual Pengguna Sistem CoSMoS	15
	5.2	TAHAP REPLIKASI	15
	5.2.1	Pengkomersialan	15
	5.2.2	Pengembangan Projek	15
	5.2.3	Potensi Kos	15
LAMPIRAN / BAHAN RUJUKAN			L-1 – L-30

PENGENALAN KUMPULAN

MAKLUMAT KUMPULAN

Nama Kumpulan	:	
Nama Jabatan	:	Jabatan Perancang Bandar
Nama Organisasi & Alamat	:	Majlis Bandaraya Diraja Klang Bangunan Sultan Alam Shah, Jalan Perbandaran, 41675 Klang Bandar Diraja, Selangor Darul Ehsan.
No. Telefon dan Faks	:	03-3375 7850 / 03-3371 0690 / 03 – 33748845
E-mel	:	jpbkikdelima@gmail.com
Tarikh Kumpulan Ditubuhkan	:	17 Januari 2023
Bilangan Ahli	:	6 orang
Penaung	:	TPr. Hjh Yusrina Binti Mohamad Yusof
Penasihat	:	TPr. Mohd. Fauzi Bin Burham
Fasilitator	:	Pn. Rasiah Binti Ramby
Ahli	:	1. En. Afif Farhan Bin Masdar (Ketua Kumpulan) 2. Pn. Rasiah Binti Ramby 3. En. Mohd Sharil Bin Harun 4. Cik Nor Najah Binti Mohammed Mazlan 5. En. Helmi Yazrin Bin Abdul Halim

KETERANGAN PROJEK

Nama Projek	:	<i>Carbon Smart Monitoring System (CoSMoS),</i>
Kategori Projek	:	KIK Primer
Keterangan Projek	:	<i>Carbon Smart Monitoring System (CoSMoS), Sistem Pemantauan Pintar Elemen Bandar Rendah Karbon, Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) adalah :</i> i) <u>Platform pintar</u> bagi memantau pemajuan dan pembangunan elemen rendah karbon di peringkat perbandaran ii) Diintergrasikan dengan pelbagai platform data agar sistem pengurusan lebih komprehensif, inklusif dan berkesan bagi memperolehi <u>impak yang tinggi dari aspek penyampaian perkhidmatan dan keberhasilan.</u> iii) <u>Mencapai matlamat pembangunan mampan (SDGs)</u> dan selaras dengan Pelan Strategik, MBDK 2026, Pelan Tindakan Bandar Rendah Karbon, MBDK 2027 dan Pelan Bandar Pintar Klang 2030 iv) Dengan adanya CoSMoS, MBDK mendapat penjimatan kos pengurusan sebanyak RM98,577.60, <u>mencerminkan keberkesanan pengurusan kos</u> v) Anggaran pengurangan <u>pelepasan karbon adalah sebanyak 5.18%</u> dan <u>jumlah penyerapan tCO₂e sebanyak 229,198.68</u>
Penyataan Masalah	:	Sistem Pemantauan Elemen Rendah Karbon kurang efisien; dimana sukar untuk membuat pemantauan dan semakan rekod.
Justifikasi Masalah	:	i. Tiada kaedah yang sistematik untuk merekod dan memantau pelaksanaan elemen rendah karbon yang dikenakan semasa kelulusan pelan pembangunan. ii. Tiada platform menganalisis data dengan lebih cekap. iii. Jaringan perkongsian maklumat adalah terhad.

BIDANG DAN KATEGORI INOVASI

Bidang Inovasi	:	Bidang Penyampaian Perkhidmatan
Kategori Inovasi	:	Penambahbaikan
Tarikh Siap	:	1 Oktober 2023

BAHAGIAN 1: PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN

1.1 SOKONGAN PENGURUSAN DAN KELULUSAN

Selaras dengan perubahan persekitaran serta kehendak pelanggan dan pihak berkepentingan yang semakin meningkat, pihak Jabatan Perancang Bandar Dan Desa melalui pihak pengurusan Majlis Bandaraya Diraja Klang **memandang serius usaha penambahbaikan penyampaian perkhidmatan** agar matlamat perkhidmatan dapat memenuhi kehendak dan harapan pelanggan.

Pengarah Perancang Bandar Dan Desa selaku **Penaung Kumpulan CoSMoS**, berinisiatif **membentuk satu kumpulan yang bersifat inovasi dan kreatif bagi menterjemahkan penajaan idea baharu dan membawa perubahan berimpak tinggi** berteraskan kecekapan dan keberkesanan bagi meningkatkan budaya inovasi dan kreatif dikalangan warga kerjanya. **Surat pelantikan fasilitator, ketua kumpulan dan ahli kumpulan** adalah seperti di **Lampiran 1**. **Pemberian latihan dan kursus KIK** yang telah dilaksanakan pada 20 dan 21 Februari 2024 seperti di **Lampiran 2**.

Projek ini mendapat perhatian daripada **Datuk Bandar dan pengurusan tertinggi Majlis Bandaraya Diraja Klang** bagi mengatasi masalah **tiada platform bagi merekod maklumat dan memantau pelaksanaan elemen rendah karbon semasa kelulusan pelan pembangunan** di dalam setiap pemajuan. Cadangan untuk membangunkan Sistem Pemantauan Elemen Rendah Karbon telah **mendapat sokongan dan diluluskan di dalam Mesyuarat Pengurusan MPK Bil. 3/2023 pada 15 Mac 2023** seperti di **Lampiran 3** dan projek **CoSMoS** ini juga telah mendapat Perakuan dari **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Diraja Klang** seperti di **Lampiran 4**.



BAHAGIAN 2 : SIGNIFIKASI PROJEK DAN PEMBUKTIAN

2.1 KAITAN DENGAN FUNGSI UTAMA JABATAN DAN ORGANISASI

2.1.1 Projek **Carbon Smart Monitoring System (CoSMoS)**, yang dihasilkan bertepatan dengan **PELAN STRATEGIK MAJLIS PERBANDARAN KLANG 2022-2026**, mensasarkan visi untuk menjadikan '**Klang Bandaraya Diraja Dan Warisan Yang Mampan**' menepati Teras dan Strategi seperti berikut:



Teras 2 : Memastikan Perancangan Pembangunan Yang Mampan Dan Pengekalan Bandar Warisan

STRATEGI	PROGRAM/AKTIVITI	SASARAN	RASIONAL PROJEK
Pembangunan Mampan	Mematuhi pelan perancangan pembangunan yang komprehensif	% pematuhan pelan perancangan	Membangunkan sistem bagi memantau, merekod dan menyelaraskan data berkaitan.
	Program galakan kitar semula	% atau bilangan	
	Pelaksanaan penjimatan air dan tenaga	% atau bilangan	
	Pemasangan lampu jalan jenis LED	% atau bilangan	

Teras 4 : Memperkasakan Penyelenggaraan Infrastruktur Dan Pengindahan Bandar

STRATEGI	PROGRAM/AKTIVITI	SASARAN	RASIONAL PROJEK
Memperkasakan Pengurusan Kitar Semula	Membina dan menyiapkan pusat kitar semula di dalam kawasan Majlis	1 pusat kitar semula berskala besar	Mempertingkatkan program / projek bersama pihak berkepentingan selari dengan prinsip dan matlamat pembangunan mampan
	Mengalakkan peniaga/ pemaju/ penduduk/ pengilang untuk melaksanakan kempen kitar semula	Melaksanakan Kempen kitar semula	
Melaksanakan Pengindahan Bandar Secara Terancang	Pembangunan dan pengindahan lanskap	5 projek setahun	
	Pengurusan pokok ameniti, inventori dan carbon sequestration	5,000 pokok/ tahun ditanam	

2.1.2 Projek **Carbon Smart Monitoring System (CoSMoS)**, yang dihasilkan selaras dengan PELAN TINDAKAN BANDAR RENDAH KARBON 2017-2027, MAJLIS PERBANDARAN KLANG, mensasarkan Misi untuk menjadikan **'Mewujudkan Satu Bandar Iestari Dan Rendah Karbon Di Kawasan Majlis Perbandaran Klang Secara Holistik Menjelang Tahun 2027'** menepati 8 Strategi dan 8 Fasa Pembangunan seperti berikut:



8 STRATEGI:

Program kesedaran budaya Bandar Rendah Karbon, Perolehan Hijau MPKlang, Ke arah perkhidmatan cekap sumber, Ke arah *'paperless services'*, Penyediaan pelan tindakan pembangunan MPKlang, Memperkenalkan program cekap tenaga MPKlang, *'Green Data Centre'* MPKlang dan Penggunaan air secara efisien

8 FASA PEMBANGUNAN:

Fasa 1- Ibu Pejabat MBDK, Fasa 2- Projek Pemaju Swasta, Fasa 3- Pusat Konvensyen Komuniti, MBDK, Fasa 4- Bangunan-bangunan Agensi Kerajaan, Fasa 5- Bangunan Perdagangan / Pejabat, Fasa 6- Bangunan Kemudahan Masyarakat, Fasa 7- Institusi Pendidikan, Fasa 8- Projek LRT

2.1.3 Projek **Carbon Smart Monitoring System (CoSMoS)**, yang dihasilkan selaras dengan PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR, KLANG 2030, mensasarkan Misi untuk **'Menjadikan Klang Sebagai Sebuah Bandaraya Diraja Dan Warisan Pintar, Yang Sihat, Sejahtera, Berdayahuni, Berdaya Tahan Dan Lestari'** menepati 7 Komponen Bandar Pintar Klang berikut:



7 KOMPONEN:

Smart Government, Smart Economy, Smart Community, Smart Mobility, Smart Living, Smart Environment, Smart Digital Infrastructure

2.2 MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN DAN PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDER)

2.2.1 Projek **Carbon Smart Monitoring System (CoSMoS)** yang dihasilkan juga adalah selaras dengan KEHENDAK PELANGGAN DAN PEMEGANG TARUHAN (STAKEHOLDER) selaras dengan kehendak-kehendak pelanggan, masyarakat dan pihak – pihak berkepentingan;

PIAGAM PELANGGAN:	Perkhidmatan : Memproses dan membuat keputusan permohonan pelan pembangunan dalam tempoh 90 hari selepas penerimaan permohonan.
DASAR KUALITI	Kepuasan Pelanggan : Ekspektasi kehendak dan keperluan pelanggan di dalam perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Majlis seperti perkhidmatan atas talian perlu ditambahbaik selaras dengan kehendak dan permintaan orang awam demi memastikan kepuasan pelanggan dapat ditingkatkan dan mencapai matlamat Klang sebuah
MS ISO 37122:2019 :	'Bandar Pintar'-Pelaksanaan projek / program rendah karbon (indikator bandar pintar – smart enviroment)

2.3 SEJAJAR DENGAN AGENDA DAN MATLAMAT NASIONAL

Projek ini seiring dengan konsep perkhidmatan awam dan dasar- dasar utama peringkat Nasional serta menyokong perlaksanaan Agenda Nasional iaitu :

2.3.1 Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)

Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals - SDGs). Terdapat 17 matlamat pembangunan mampan diperkenalkan menjadi rangka tindakan pembangunan mampan;

Di bawah SDG13 : Climate Action



2.3.2 Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2)



Rangka kerja dalam perancangan, pembangunan dan pentadbiran bandar yang memerlukan kolaborasi dan kerjasama pihak berkepentingan dalam aspek perubahan iklim dan pembangunan rendah karbon adalah;

Prinsip 5: Pembangunan Hijau menggariskan objektif, strategi dan tindakan berhubung alam sekitar khususnya elemen hijau di dalam pengurusan bandar dan perubahan iklim

2.3.3 Rancangan Fizikal Negara Ke-4 (RFN4)



Matlamat RFN4 adalah untuk membentuk sebuah negara yang berdaya tahan disenaraikan dasar-dasar dan strategi-strategi yang menyentuh perubahan iklim-

Teras 2: Kemampuan Spatial dan Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim, telah digariskan hala tuju strategik yang berkaitan dengan perkara ini.

2.3.4 Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK 12)



AGENDA NASIONAL untuk merealisasikan halatuju Majlis “Klang Bandaraya Diraja Dan Warisan Yang Mampan” yang menepati Rancangan Malaysia Ke-12, Bab 13.

Bab 13 : Memperkukuh Penyampaian Dan Perkhidmatan Sektor Awam, menyatakan sektor awam perlu lebih cekap dengan mempercepatkan pendigitalan dan memupuk inovasi, selaras dengan keperluan untuk menyesuaikan dengan kebiasaan baharu.

2.3.5 CTI-PCI



- i. Konsep “**Cepat, Tepat dan Integriti**” bagi memastikan perkhidmatan cekap kerajaan dinikmati rakyat.
- ii. PCI adalah “**Productivity, Creativity and Innovation**”.

2.3.6 Framework Smart City Malaysia



Memperkasa tadbir urus didalam memberikan perkhidmatan terbaik dengan peningkatan keupayaan didalam penggunaan teknologi maklumat dan sistem digital iaitu;

- i. **Teras Strategik Ke 2: Menggunakan Dokumen Digital**
- ii. **Teras Strategik Ke 4: Menggunakan Penggunaan Platform Perkongsian Data**

2.3.7 Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035



Lima sektor utama telah dikenal pasti dalam Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 sebagai pemangkin kemajuan yang signifikan dalam pembangunan teknologi hijau iaitu;

Hala Tuju 6: Peningkatan Pengaplikasian Teknologi Hijau di dalam Pembekalan Tenaga dan Air, Bangunan, Pengurusan Sisa dan Sistem Pengangkutan.

2.3.8 Pelan Tindakan Smart Selangor (SSAP 2025)



12 “SMART DOMAIN” dan projek sistem **CoSMoS** adalah selaras dengan **SMART GOVERNANCE** untuk menjadikan kualiti hidup masyarakat Negeri Selangor.

2.4 KAITAN DENGAN KEADAAN EKOSISTEM SEMASA

2.4.1 Perubahan Iklim

Perubahan iklim yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung dengan aktiviti manusia yang mengubah komposisi atmosfera global dan merupakan tambahan terhadap kepelbagaian iklim semulajadi untuk tempoh masa yang dapat dibandingkan.

i. Kesan Gas Rumah Kaca (GHG)

Proses perbandaran telah menyebabkan kuantiti GHG yang dilepaskan semakin meningkat. Fenomena ini menjadikan suhu bumi semakin panas secara berterusan sehingga berlakunya pemanasan global.

ii. Impak Perubahan Iklim di Malaysia

Malaysia tidak terkecuali daripada menerima kesan perubahan iklim. Semenjak kebelakangan ini, pelbagai fenomena cuaca yang luar biasa di beberapa kawasan bandar mahupun di kawasan pedalaman akibat perubahan iklim seperti berikut:

a. Cuaca Ekstrem

Perubahan iklim menyaksikan fenomena cuaca ekstrem mengakibatkan peningkatan jumlah hujan yang drastik serta kejadian cuaca kering dan panas.

b. Peningkatan Paras Air Laut

Peningkatan pelepasan GHG yang memerangkap haba menjadi punca utama berlakunya pencairan glasier dan ais di kawasan kutub menyebabkan peningkatan paras air laut yang menyebabkan semakin banyak kawasan rendah ditenggelami air.

c. Peningkatan Suhu Bandar

Proses perbandaran yang berlaku di sesebuah kawasan mampu membawa kepada perubahan suhu bandar dan di sekitarnya. Aktiviti manusia dan aktiviti-aktiviti lain telah memberi kesan terhadap peningkatan suhu bandar.



2.5 KAEDAH PEMILIHAN PROJEK DAN ANALISIS

2.5.1 Kumpulan telah mengenalpasti 5 masalah utama yang dihadapi di peringkat jabatan iaitu:

Bil	Masalah	Keterangan Masalah
1.	Sistem Pemantauan Elemen Rendah Karbon kurang efisien;	Tiada kaedah yang sistematik untuk merekod dan memantau pematuan syarat Bandar Rendah Karbon yang dikenakan semasa kelulusan pelan pembangunan.
2.	Tempoh Masa Lama Untuk Mendapatkan Kelulusan Kebenaran Merancang Bagi Pembangunan KTK	Tempoh masa pemprosesan permohonan kebenaran merancang mengambil masa yang lama sehingga 41 hari minimum dan 300 hari pemprosesan.
3.	Ketiadaan sistem penguatkuasaan bersepadu melibatkan agensi dalaman dan luaran.	Sistem penyelarasan maklumat tidak bersepadu bagi tindakan penguatkuasaan yang telah dijalankan menyebabkan mendapatkan data lambat, tidak cekap dan sukar membuat semakan rekod dan meneruskan tindakan
4.	Keperluan dokumen sokongan dan pematuan senarai semak yang sukar dipenuhi.	Keperluan pematuan dokumen dan senarai semak yang sukar bagi pembangunan kilang tanpa kebenaran menyebabkan pengusaha tidak berminat untuk mematuhi peraturan perundangan yang ditetapkan
5.	Pelaksanaan program kebun bandar kurang mendapat sambutan daripada komuniti	Kurangnya pendedahan berkenaan program kebun bandar dan tiada modal sekaligus menyebabkan kurangnya sambutan dan minat komuniti

2.5.2 Seterusnya, bagi menentukan pemilihan projek, kumpulan menggunakan kaedah Matrik Keutamaan untuk mengenalpasti masalah utama yang dihadapi. **Sistem Pemantauan Elemen Rendah Karbon Kurang Efisien**; dimana sukar untuk membuat pemantauan dan semakan rekod dipilih sebagai masalah paling utama yang perlu diselesaikan berdasarkan kepada Minit Mesyuarat Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Bil. 1/2023 bertarikh 13 Januari 2023 seperti di **Lampiran 5**.

a) Jadual 1 : Matrik Keutamaan Mengenalpasti Masalah

Bil	Senarai Pendek Masalah	Berkaitan Dengan Matlamat Jabatan	Berkaitan Dengan Kerja	Dalam Keupayaan Kumpulan	Keupayaan Mengumpul Data	Kos Dapat Dinilai / Diukur	Jumlah Markah
	Pemberat	X5	X4	X3	X2	X2	
1.	Sistem Pemantauan Elemen Rendah Karbon Kurang Efisien	$10 \times 5 = 50$	$10 \times 4 = 40$	$10 \times 3 = 30$	$10 \times 2 = 20$	$10 \times 1 = 10$	150
2.	Tempoh Masa Lama Untuk Mendapatkan Kelulusan Kebenaran Merancang Bagi Pembangunan KTK	$10 \times 5 = 50$	$9 \times 4 = 36$	$9 \times 3 = 27$	$10 \times 2 = 20$	$10 \times 1 = 10$	143
3.	Ketiadaan Sistem Penguatkuasaan Bersepadu Melibatkan Agensi Dalam Dan Luaran.	$10 \times 5 = 50$	$10 \times 4 = 40$	$9 \times 3 = 27$	$10 \times 2 = 20$	$10 \times 1 = 10$	147
4.	Keperluan Dokumen Sokongan Dan Pematuhan Senarai Semak Yang Sukar Dipenuhi.	$8 \times 5 = 40$	$8 \times 4 = 32$	$7 \times 3 = 21$	$10 \times 2 = 20$	$10 \times 1 = 10$	123
5.	Pelaksanaan Program Kebun Bandar Kurang Mendapat Sambutan Daripada Komuniti	$8 \times 5 = 40$	$8 \times 4 = 32$	$6 \times 3 = 18$	$10 \times 2 = 20$	$10 \times 1 = 10$	120

Skala 1 = Amat Rendah Hingga 10 = Amat Tinggi

2.5.3 Kumpulan CoSMoS menggunakan Teknik 5W 1H untuk mendefinisi dan menjelaskan masalah tersebut.

a) Jadual 2 : Penjelasan Masalah Dengan Teknik 5W 1H

PENJELASAN MASALAH DENGAN TEKNIK 5W 1H	
1. What – APA MASALAHNYA? Sistem Pemantauan Elemen Rendah Karbon Kurang Efisien	
2. Who – SIAPA YANG TERLIBAT? Pemaju, Pemegang taruh (<i>Skateholder</i>), Perunding Perancang Bandar, Arkitek, Jurutera, Arkitek Landskap.	3. Where – DI MANA IA BERLAKU? ▪ Majlis Bandaraya Diraja Klang ▪ Di tapak-tapak pembinaan perumahan, perniagaan dan perindustrian dan lain-lain.
4. When – BILA BERLAKU? Semasa pemajuan dan pembangunan dilaksanakan di tapak setelah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang.	5. Why – MENGAPA MASALAH INI TERJADI? Tiada platform memantau penerapan elemen bandar rendah karbon selepas kelulusan permohonan kebenaran merancang diberikan.
6. How – BAGAIMANA IA BERLAKU? Tiada pemantauan bagi penerapan elemen bandar rendah karbon.	

2.6 PENETAPAN SASARAN OUTCOME DAN IMPAK

2.6.1 Pengumpulan data sebelum projek :

Kumpulan telah membuat pengumpulan data melalui permohonan Kebenaran Merancang yang diterima oleh pihak Majlis melalui Jabatan Pusat Setempat / Sistem Online OSC 3.0 bagi tempoh Januari 2023 dan pengumpulan data adalah seperti di **Lampiran 6**.

a) Jadual 3 : Pengumpulan Data Dan Pemerhatian

Jenis Pengumpulan Data	Pemerhatian
Bilangan Pemaju Melaksanakan Elemen Rendah Karbon	Tiada Rekod
Proses Kerja	11 Langkah Proses kerja bagi pemantauan / merekod data
Tempoh Masa	1 Jam 40 minit / 1 permohonan
Kos Yang Terlibat	6 Orang Penolong Pegawai Perancang Bandar / Pemandu

2.6.2 Penetapan Sasaran Outcome dan Impak

Berdasarkan kepada hasil pemerhatian seperti dalam jadual di atas, kumpulan telah menetapkan :

a) Jadual 4 : Sasaran Outcome

Jenis Pengumpulan Data	Sasaran
Bilangan Pemaju Melaksanakan Elemen Rendah Karbon	100 Bilangan pemaju melaksanakan 25 Bilangan pemaju tidak melaksanakan
Proses Kerja	4 Langkah proses kerja bagi pemantauan / merekod data
Tempoh Masa	45 minit / 1 permohonan
Kos Yang Terlibat	4 Orang Penolong Pegawai Perancang Bandar / Pemandu

b) Jadual 5: Sasaran Impak Projek

Organisasi	a) Memudahkan pihak Majlis untuk memantau pelaksanaan penerapan elemen rendah karbon dalam setiap pemajuan. b) Memudahkan pengiraan data elemen rendah karbon yang telah dilaksanakan dan jumlah pengurangan intensiti pelepasan karbon
Pelanggan	a) Memudahkan pengisian data oleh pemaju, dan pihak berkepentingan (<i>skateholder</i>) kerana ianya dibuat secara online tanpa perlu menghantar data secara konvensional/manual kepada pihak Majlis
Stakeholder & Agenda Dan Dasar	a) Kesemua pemajuan pembangunan akan menerapkan elemen rendah karbon.
Keadaan & Ekosistem Semasa	a) Mengurangkan risiko bencana alam dan penjimatan perbelanjaan

BAHAGIAN 3: TINDAKAN PENYELESAIAN

3.1 STRATEGI PENYELESAIAN KREATIF TERMASUK APLIKASI PENGGUNAAN TOOLS

Kumpulan **CoSMoS** menggunakan kaedah '*Design Thinking*' (DT) yang merupakan satu pendekatan kontemporari yang memberi fokus kepada *human* atau *user centric*. Tindakan penyelesaian berdasarkan kepada lima proses dalam Kaedah Design Thinking (DT) iaitu Emphatize (empati), Define (Takrifan), Ideate (Penjaan Idea), Prototype (Prototaip) dan Test (Ujian). Kelima-lima proses ini saling berkaitan antara satu sama lain bagi menterjemahkan idea kepada hasil yang akhirnya berfungsi sebagai strategi mencari penyelesaian penyelesaian kreatif dan menghuraikan setiap perincian proses pembangunan dan pelaksanaan sistem **CoSMoS** ini.

3.1.1 *Emphatise* (Fahami Perasaan Dan Keperluan)

Kumpulan telah mengaplikasikan empati dengan melaksanakan teknik menyelami **teknik menyelami (*immerse*)**, **pemerhatian (*observe*)** dan **melibatkan diri (*engage*)**. Kumpulan telah mengenalpasti kumpulan sasar dengan menggunakan teknik ***Emphaty Map***



a) Jadual 6: Analisis punca masalah (Rumusan *Client Empathy Map*) seperti berikut:

Apa pengguna FIKIR dan RASA? Kesukaran mendapatkan maklumat dan data elemen rendah karbon	Apa pengguna LIHAT? Tiada pemantau pematuhan syarat kelulusan elemen pembangunan rendah karbon.
Apa pengguna KATA dan LAKUKAN? Merekod data dan maklumat pematuhan syarat kelulusan elemen rendah karbon dengan efisien.	Apa pengguna DENGAR? Menerima pandangan daripada pelanggan berkenaan kurang penerapan elemen rendah karbon di lapangan
IMPIAN? a) Penerapan elemen rendah karbon secara fizikal dapat diperluaskan. b) Merekod dan memantau data penerapan elemen rendah karbon secara berpusat. c) Data elemen rendah karbon diperoleh dengan mudah, cepat, dapat diukur bagi penendarasan.	
HINDARI? a) Perkongsian data pelaporan tidak tersusun dan sistematik. b) Data maklumat tindakan penerapan elemen rendah karbon tidak tepat. c) Ketidakpatuhan dalam mematuhi syarat kelulusan elemen pembangunan bandar rendah karbon.	

3.1.2 Define (*Validation Point Of View*)-Penjelasan Masalah Melalui sudut Pandangan (*Point Of View*) terhadap isu dihadapi.

Berdasarkan daripada dapatan analisa proses *Emphatise*, kumpulan telah melakukan proses menghurai/ menganalisis maklumat yang diperolehi dan seterusnya membuat sintesis/ rumusan terhadap isu/ permasalahan yang dipilih. Bagi mendapatkan pandangan yang lebih tepat dan mereka bentuk inovasi yang menepati kehendak;

a) Jadual 7: Analisis memilih punca masalah dan pandangan seperti berikut:

Siapa Pengguna?	Keperluan Pengguna?	Pandangan Pengguna?
Pemaju, PerunPerancang Bandar, Arkitek, Jurutera, Arkitek Landskap	- Kemasukkan data pematuhan syarat kelulusan - Kurang galakan dalam pelaksanaan elemen fizikal	- Proses kemasukkan data yang boleh di akses menggunakan gajet dan mesra pengguna - Mendapat penghargaan dan Pengiktirafan
Kakitangan Yang Bertanggungjawab	- Pemantauan atas talian - Cepat memperoleh data - Mudah di analisis dan diukur	Proses pemantauan dan pemeraksanaan penerapan elemen rendah karbon lebih efisien.
Ketua Jabatan dan Pengurusan Tertinggi MBDK	- Menerima data dengan cepat dan tepat. - Meningkatkan imej dan reputasi organisasi Majlis	- Selaras dengan Pelan Strategi dan Pelan Tindakan. - Penyampaian perkhidmatan yang lebih baik.
Rumusan POV		
i. Tiada kaedah merekod, menyimpan data pematuhan syarat kelulusan. ii. Penambahbaikan proses kerja daripada tiada/ secara manual kepada atas talian. iii. Kurang galakan dalam pelaksanaan elemen fizikal		

3.1.3 Ideate (*Percambahan Idea Utama Penyelesaian*) – Pemilihan Cadangan Paling Praktikal

Bagi penjanaan idea, Kumpulan CoSMoS menggunakan teknik *How Might We* untuk menghasilkan idea-idea penyelesaian

Jadual 8: Pemilihan Cadangan Paling Praktikal Dan Penghasilan Idea Penyelesaian:

Rumusan POV	How Might We (Idea Penyelesaian)	Analisis Kebaikan / Keburukan	Keputusan (Terima/Tolak)
Tiada kaedah merekod, menyimpan data pematuan syarat kelulusan	Mengadakan pemudahcara pemantauan pematuan syarat kelulusan dan pelaksanaan fizikal	Kebaikan; Memudahkan proses memasukkan data dan pemantauan pelaksanaan Keburukan; Pengguna kurang mahir dan enggan melaksanakan	DITERIMA
Penambahbaikan proses kerja daripada tiada/ secara manual kepada atas talian	Mewujudkan pangkalan data bersepadu bagi tujuan memantau, merekod, mengukur, dan menganalisis	Kebaikan; Memperoleh data dan maklumat penerapan elemen rendah karbon Keburukan; Keperluan mewujudkan dan mempelajari sistem baharu	DITERIMA
Kurang galakan dalam pelaksanaan elemen fizikal	Mengadakan pengiktirafan serta penghargaan kepada pihak-pihak berinisiatif	Kebaikan; Mencapai sasaran Majlis, dasar Kerajaan Negeri dan agenda Nasional. Keburukan; Melibatkan pertambahan kos sediaada	DITERIMA
Rumusan Pencambahan Idea			
i. Mewujudkan satu (1) Sistem Pemantauan Elemen Rendah Karbon.			
ii. Mewujudkan platform data raya yang diintegrasikan bagi tujuan perkongsian data.			
iii. Memberi pengiktirafan 'Anugerah Bandar Rendah Karbon' kepada pemaju yang berinisiatif.			

3.1.4 Teknik SCAMPER

Kumpulan **CoSMoS** menggunakan teknik **SCAMPER** bagi mendapatkan alternatif cadangan penyelesaian. Cadangan yang ditetapkan oleh kumpulan adalah **membangunkan sistem pemantauan elemen rendah karbon yang efisien dan berdaya saing**.

a) Jadual 9: Alternatif Cadangan Penyelesaian melalui Teknik **SCAMPER**

Menyediakan permohonan secara atas talian yang mana dapat mengintegrasikan data dengan platform yang lain		Proses pemantauan, merekod dan menganalisis data boleh dilaksanakan pada bila-bila masa.		Sistem boleh digunakan oleh semua pihak		Memudah-kan urusan pelanggan di mana pelanggan tidak perlu hadir ke kaunter	
SUBSTITUTE	COMBINE	ADAPT	MODIFY	PUT TO ANOTHER USE	ELIMINATE	REARRANGE	
Mewujudkan kaedah merekod maklumat yang baru	Menggabungkan teknologi IT terkini	Menerima dan menggunakan teknologi untuk pemantauan.	Menghasilkan produk yang mesra pengguna	Memperluaskan penggunaan sistem kepada pihak yang berkepentingan.	Semua melalui sistem dan tiada lagi penggunaan borang / surat	Susun atur semula proses inovasi sebelum dipatenkan	

3.2 PENGHASILAN DAN PENGUJIAN PROTOTAIP

3.2.1 Pelan Tindakan Penyelesaian

Penghasilan projek Sistem **CoSMoS** mengambil masa selama 32 minggu bermula bulan Mac 2023 sehingga Oktober 2023. Langkah awal penjaan reka bentuk sistem, penyediaan bahan / data, draf rangka kerja, penghasilan prototaip, kelulusan ketua jabatan, taklimat / pengguna dan pelaksanaan.

b) Jadual 10: Carta Perbatuan Penghasilan Projek

Perancangan		Tahun		2023																																							
Sebenar		Bulan		MAC				APRIL				MEI				JUN				JULAI				OGOS				SEPT				OKT											
Aktiviti		Minggu		1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4								
Do	Penjaanaan Rekabentuk Sistem																																										
	Penyediaan Bahan Penghasilan Sistem																																										

Perancangan		Tahun		2023																																															
Sebenar		Bulan		MAC				APRIL				MEI				JUN				JULAI				OGOS				SEPT				OKT																			
Aktiviti		Minggu		1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4																
	Penyediaan Draf dan Lakaran Sistem																																																		
	Penghasilan Prototaip Sistem																																																		
Check	Kelulusan Pengesahan Ketua Jabatan																																																		
	Ujicuba Sistem																																																		
Action	Latihan/ Taklimat Kepada Pengguna																																																		
	Pelaksanaan																																																		

Gambarajah 1: Roadmap penyediaan Corbon Smart Monitoring System (CoSMoS)



3.2.2 Merekacipta Prototaip Dengan Menzahirkan Idea Melalui Lakaran Aplikasi.

Melalui teknik SCAMPER, kumpulan telah memilih idea untuk merekabentuk satu inisiatif inovasi prototaip 1 seperti lakaran dibawah :-

Gambarajah 2: Prototaip 1 Sistem CoSMoS



Kumpulan telah memaklumkan kepada Ketua Jabatan berkaitan cadangan penyelesaian terhadap masalah projek melalui surat yang bertarikh 21 Jun 2023 dan mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatan melalui surat di **Lampiran 7**. Pembentangan projek telah dibuat pada 26 Jun 2023.

3.2.3 Tindakan Ujicuba 1 - Ujicuba 1 telah dibuat pada 11-15 Julai 2023 bersama pihak pemaju dan perunding.

Tindakan telah dilaksanakan dengan menggunakan teknik (EMEA) "Error Mode Effect Analysis" bagi mengenalpasti keputusan kegagalan dan kaedah penambahbaikan. Jadual 11 menunjukkan teknik ujicuba yang digunakan melibatkan kakitangan MBDK & pemaju seperti dibawah. Ujicuba ini telah mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatan Perancang Bandar, Majlis Bandaraya Diraja Klang



a) Jadual 11: Teknik EMEA bagi mengenalpasti keputusan dan cadangan penambahbaikan.

BIL	RALAT	PUNCA	KESAN	PENAMBAHBAIKAN	GAMBAR PENAMBAHBAIKAN
1.	Data elemen rendah karbon yang tidak lengkap dan tidak terperinci.	Data yang tidak memaparkan komponen yang terperinci bagi setiap elemen pembangunan rendah karbon	Data tidak dapat di analisis dan diukur bagi tujuan penandaarasan	Maklumat dan perincian spesifikasi elemen bandar rendah karbon bagi setiap komponen dipaparkan dalam sistem.	
2.	Data Maklumat tidak di paparkan dalam bentuk lokasi pemetaan	Lokasi penerapan elemen rendah karbon tiada ditanda secara langsung & perlu dibuat berasingan	Tidak dapat mengenalpasti lokasi yang tepat bagi cadangan pembangunan tersebut.	Penandaan lokasi penerapan elemen rendah karbon di pemetaan digital setiap kali memasukkan data.	
3.	Tiada maklumat analisa penerapan elemen rendah karbon bagi setiap pemajuan.	Maklumat analisa penerapan elemen rendah karbon hanya dapat dikumpulkan oleh jabatan tertentu sahaja.	Lambat didalam membuat rumusan penerapan elemen dilapangan akibat sukar mendapatkan data	Maklumat penerapan elemen rendah karbon dimasukkan bersekali semasa memasukkan data dibuat dilapangan	

3.2.4 Penambahbaikan Selepas Ujicuba 1 (Penghasilan Prototaip 2)

Hasil daripada tindakan hasil ujicuba 1, kumpulan telah membuat penambahbaikan dengan mewujudkan satu sistem bagi mendapatkan hasil yang terbaik;

Prototaip 2 seperti lakaran dibawah :-



Sistem **CoSMoS** ini telah mendapat pengesahan perakuan kestabilan sistem daripada Jabatan Teknologi Maklumat, MBDK pada 2 Ogos 2023 seperti di **Lampiran 8**.

3.2.5 Latihan Penggunaan Sistem CoSMoS kepada pihak pengurusan MBDK, kakitangan jabatan teknikal MBDK dan wakil pemaju telah di adakan secara berperingkat.



3.3 PERAKUAN DARIPADA PIHAK BERTAULIAH.

Carbon Smart Monitoring System (CoSMoS) ini telah mendapat pengesahan dan kelulusan daripada Mesyuarat Pengurusan Majlis Bandaraya Diraja Klang Bil. 10/2023 bertarikh 12 Oktober 2023 bagi tujuan pelaksanaan Sistem Pemantauan Elemen Rendah Karbon di peringkat kelulusan Kebenaran Merancang (KM) yang akan dikawal selia oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa serta di bantu oleh jabatan teknikal dalaman. **Rujuk Lampiran 9**

Majlis telah mendapat pertauliahn sebagai **Bandar Mampan** oleh KPKT melalui program MURNInets. Majlis layak menerima pertauliahn ini setelah melepasi markah 80% seperti yang disyaratkan dalam kriteria penilaian Bandar Mampan. **Rujuk Lampiran 10**. Kumpulan telah memperolehi beberapa pengiktirafan di peringkat Majlis, Negeri dan Antarabangsa dan pihak agensi luar. **Rujuk di Lampiran 11**.


3.4 PELAKSANAAN INOVASI

Carbon Smart Monitoring System (CoSMoS) yang dibina dan dilaksanakan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan Majlis dan tindakan proaktif jabatan dalam memperkasakan dan menyokong agenda nasional dalam mengurangkan pelepasan karbon. Sistem **CoSMoS** memudahkan dan mempercepatkan proses pengumpulan data, pengukuran dan penandaarasan ke atas pemaju Pembangunan. Selain itu dapat mengurangkan kos, tenaga kerja, masa dan mewujudkan satu kaedah/proses kerja yang lebih cekap dan berdaya saing. Sistem **CoSMoS** ini dihubungkan ke **Sistem GES MPKlang** bagi tujuan pemetaan digital, dan akan dapat digunakan dan dirujuk oleh kakitangan MBDK dan agensi - agensi berkaitan.

Sistem **CoSMoS** telah digunapakai oleh pihak pemaju, perunding perancang bandar, arkitek dan pihak yang berkaitan. Kajian Kepuasan Penggunaan Sistem juga telah dibuat ke atas lebih kurang 150 orang responden. Analisa tahap kepuasan adalah seperti berikut:

a) Jadual 12 : Analisis Tahap Kepuasan Pengguna

Bil	Elemen	Keputusan Soalselidik				
		Bilangan Responden	Puas Hati		Tidak Puashati	
			Bil	%	Bil	%
1.	Kemudahan Akses Sistem	150	138	92	12	8
2.	Proses kemasukkan data					
3.	Kaedah pemantauan dan pelaksanaan elemen fizikal					



Sumber : Analisa Soal Selidik Menilai Kepuasan Penggunaan Sistem CoSMoS 2023

Kumpulan melalui pihak Majlis telah membuat hebahan kepada pemaju perumahan, perniagaan dan perindustrian berhubung Sistem **CoSMoS** melalui risalah, laman web MBDK, mukabuku MBDK. Kumpulan juga telah mengadakan beberapa **Roadshow Jejak Karbon** bersama komuniti Klang bagi meningkatkan tahap kesedaran dan kefahaman.



BAHAGIAN 4: KEBERHASILAN PROJEK

4.1 PENCAPAIAN OUTCOME PROJEK DAN PEMBUKTIAN

4.1.1 Kesan Jangka Pendek (PQDMCS)

i. Produktiviti

a) Jabual 13: Bilangan pemaju melaksanakan elemen rendah karbon

Bil	Perkara	Sebelum Projek	Sasaran / Jangkaan Outcome	Outcome Selepas Projek		Pembuktian
				2023	2024	
1.	Bilangan pemaju melaksanakan elemen rendah karbon	Tidak direkodkan	100	253	270	 Pautan:
